

**Bahagian A**  
**[60 markah]**  
**Jawab semua soalan**

- 1 a) Bezakan dua entiti perniagaan berikut dari segi sumbangan modal

Entiti Perniagaan	Sumbangan Modal
Perkongsian	
Milikan Tunggal	

[2 Markah]

- b) Tunjukkan kesan setiap urusniaga yang berikut keatas persamaan perakaunan

UrusNiaga	Aset	Liabiliti	EkuitiPemilik
Membawa masuk kenderaan peribadi RM10 000 ke dalam perniagaan			

[2 Markah]

- c) Maklumat di bawah ini diberikan oleh Perniagaan Waja pada 31 Ogos 2018

Butir	RM
Perabot	28 500
Susutnilai terkumpul perabot	11 200

Pada 31 Ogos 2018, perabot tersebut telah dijual pada harga RM 19 500.  
Berapakah untung atau rugi pelupusan aset tersebut?

[2 Markah]

- d) Maklumat berikut dipetik daripada sebuah perniagaan pada suatu tahun kewangan.

	RM
Inventori Akhir	13 000
Akaun Belum Terima	12 000
Akaun Belum Bayar	10 000
Alatan Pejabat	15000
Bank	8000
Tunai	2000

Hitung Nisbah Semasa

[2 Markah]

- e) Syarikat Daily One Berhad telah menerbitkan 100 000 unit 6% syarikat keutamaan RM2.00 setiap dan 200 000 unit syarikat biasa RM1.00 setiap.  
Hitung modal diterbitkan.

[2 Markah]

- 2 Pada 1 April 2018, Puan Dewi meneruskan Perniagaan Dewi yang membekalkan pakaian tradisional. Maklumat berikut merupakan baki-baki yang diperoleh daripada buku perakaunannya pada 31 Mac 2019.

**Perniagaan Dewi**  
**Imbangan duga pada 31 Mac 2019**

	<b>Debit</b> <b>RM</b>	<b>Kredit</b> <b>RM</b>
Modal pada 1 April 2018		207 080
Insurans	960	
Tunai	1 360	
Pinjaman (Faedah 4%)		18 000
Belian dan Jualan	64 240	123 160
Lengkapan	130 000	
Pulangan	200	490
Angkutan masuk	980	
Faedah atas pinjaman	320	
Diskaun	460	260
Alat tulis	640	
Hutang lapuk terpulih		1 320
Inventori pada 1 April 2018	24 920	
Gaji	16 800	
Akaun belum terima	9 000	
Akaun belum bayar		13 330
Kadar bayaran	1 960	
Bank	49 700	
Peruntukan hutang ragu		600
Duti atas belian	1 080	
Kenderaan	80 000	
Promosi	2 790	
Ambilan	150	
Sewadi terima		2 500
Komisen diterima		1 820
Susutnilai terkumpul lengkapan		13 000
Susutnilai terkumpul kenderaan		4 000
	385 560	385 560

**Maklumat Tambahan:**

- Inventori pada 31 Mac 2019 bernilai RM21 560 pada harga kos dan RM23 200 pada harga pasaran.
- Gaji belum bayar sebanyak RM2 400.
- Komisen tahunan diterima sebanyak RM2 340
- Alat tulis masih belum digunakan RM90 pada 31 Mac 2019.
- Hutang lapuk dihapus kira sebanyak RM500.
- Peruntukan hutang ragu 2% diselaraskan atas Akaun belum terima bersih.

- vii. Susutnilai Aset Bukan Semasa:
- Kenderaan 10% setahun atas kos termasuk sebuah van baru RM55 000 yang dibeli pada 20 September 2018.
  - Lengkapan disusutnilai 20% mengikut kaedah baki berkurangan
- viii. Hasil sewa RM500 yang diterima telah digunakan untuk menjelaskan sewa rumah kediamannya. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku. Pinjaman diperoleh pada 1 April 2018 berjumlah RM24 000. Pinjaman akan dijelaskan sepenuhnya pada 31 Mac 2022.  
Faedah atas pinjaman adalah 4% atas nilai asal pinjaman.

**Andadi kehendaki menyediakan :**

- Menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2019. [14 markah]
- Menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2019. [11 markah]

3. Pada 1 Julai 2019, Puan Sufia memulakan Perniagaan Pakaian Tanjung Puteri dengan modal berjumlah 30 000. Berikut adalah buku catatan pertama yang telah disediakan oleh Puan Sufia pada bulan Julai 2019.

**Jurnal Am**

Tarikh	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
2019 Julai 1	Tunai Bank Alatan Pejabat Modal (Modal Permulaan)	1 700 25 000 3 300  30 000	
Julai 15	Angkutan Masuk Surya Enterprise (Angkutan masuk dikenakan)	280	280

**Jurnal Belian**

Tarikh	Butir	Jumlah (RM)
2019 Julai 6	Surya Enterprise	3 500
31	Akaun Belian	3 500

**Jurnal Jualan**

Tarikh	Butir	Jumlah (RM)
2019 Julai 10 16	Perniagaan Abaya Rahmat Enterprise	2 270 4 100
31	Akaun Jualan	6 370

**Buku Tunai**

Tarikh	Butir	Disk.	Tunai	Bank		Tarikh	Butir	Disk.	Tunai	Bank
2019 Jul 1 5 15	Modal Jualan Perniagaan Abaya	270	1 700 300	25 000 2 000		2019 Jul 9 12 25 31	Belian Surya Enterprise Promosi Baki h/b			470 2 500 540 1460 24 030
Ogos 1	Baki b/b		270	2 000	27 000				2 000	27 000
				1 460	24 030					

**Andadikehendaki :**

- a) Memindahkan catatan dari Buku Catatan Pertama di atas ke Lejar [18 markah]
- b) Merujuk kepada soalan 3a sediakan :
  - i) Akaun Kawalan Belum Terima
  - ii) Akaun Kawalan Belum Bayar [7 markah]

**Bahagian B**  
**[40 markah]**  
**Jawab dua soalan sahaja**

- 4(a) Haikal, Ina dan Jas merupakan rakan kongsi Perkongsian Hijas yang menjalankan perniagaan membuat keropok di Bukit Indah. Mereka berkongsi untung rugi mengikut nisbah 2:2:1 .Pada 30 September 2018 mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian. Berikut adalah kedudukan kewangan perkongsian pada tarikh tersebut:

	RM
Premis	50 000
Lengkapan	13 500
Kenderaan	28 000
Susutnilai terkumpul kenderaan	7 500
Akaun belum terima	4 700
Inventori	11 500
Akaun Modal:	
Haikal	50 000
Ina	40 000
Jas	30 000
Akaun Semasa:	
Haikal	6 700
Ina	3 100
Jas	(950)
Bank	38 650
Akaun belum bayar	8 000
Gaji belum bayar	2 000

Perkara-perkara berikut berlaku semasa pembubaran:

- Premis diambil alih oleh Haikal dengan nilai RM65 000 dan kenderaan diambil alih oleh Ina pada nilai buku.
- Lengkapan dan inventori dijual pada harga RM20 250.
- Baki Akaun belum terima dijelaskan oleh pelanggan setelah diberi diskaun 10%.
- Perniagaan menjelaskan baki Akaun belum bayar dengan diskaun sebanyak RM500.
- Gaji belum bayar dijelaskan oleh Jas sepenuhnya.
- Yuran guaman ialah RM400.
- Mana-mana akaun modal pekongsi yang mengalami kekurangan modal hendaklah diselesaikan dengan membawa tunai ke bank.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- |     |                       |            |
|-----|-----------------------|------------|
| (a) | Akaun Realisasi       | [8 markah] |
| (b) | Akaun Bank            | [3 markah] |
| (c) | Akaun Modal beruangan | [1 markah] |

- (b) Pada 1 Mac 2018, Encik Akmal memulakan perniagaan dengan modal sebanyak RM50 000. Beliau tidak menyimpan rekod perniagaan dengan menggunakan sistem catatan bergu. Pada 28 Februari 2019, kedudukan kewangan perniagaan adalah seperti berikut:

	RM
Alatan Pejabat	27 000
Akaun belum bayar	5 400
Bank	12 000
Sewa belum bayar	3 600
Lengkapan	12 500
Kenderaan	44 000
Inventori	5 700
Akaun belum terima	3 800
Pinjaman	20 000

Maklumat Tambahan:

- i. Sekeping nota kredit daripada pembekal sebanyak RM350 ditemui dan perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- ii. Encik Akmal menjual sebahagian harta peribadinya dengan harga RM15 000 dan wang itu dimasukkan kedalam perniagaan.
- iii. Encik Akmal mengambil barang niaga bernilai RM200 sebulan dan perkara ini terlupa rekod.
- iv. Kenderaan dibeli pada 26 November 2018 dan disusutnilai 10 % atas kos.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata Mengira Modal pada 28 Februari 2019 [4 markah]
- (b) Penyata Untung atau Rugi bagi tahun berakhir 28 Februari 2019 [4 markah]

5. Butir-butir yang berikut diambil daripada buku-buku Kelab Rekreasi Meridin, Mutiara Rini pada 31 Disember 2018

<b>Penerimaan</b>	<b>RM</b>
Baki 1 Januari 2018	4 970
Yuran tahun 2017	130
Yuran tahun 2018	3 700
Yuran tahun 2019	180
Yuran masuk	1 900
Kutipan karnival	15 780
Yuran pertandingan melukis	560
Jualan Kafe	2 800

<b>Pembayaran</b>	<b>RM</b>
Elaun kehormat	330
Hadiah pertandingan melukis	100
Membaiki premis kelab	520
Alatan sukan	4 200
Alat tulis	240
Majalah	430
Upah pekerja kafe	160
Belian kafe	1 106

#### **Maklumat tambahan**

- i. Baki-baki yang berikut didapati daripada buku-buku kelab tersebut.

	1 Januari 2018	31 Disember 2018
	RM	RM
Inventori kafe	210	300
Yuran ahli belum terima	170	70
Yuran ahli belum terperoleh	-	?
Alatan sukan	2 900	6 510
Simpanan tetap	30 000	30 000
Inventori alat tulis	50	90
Premis kelab	80 000	80 000
Majalah belum bayar	50	-

- ii. Kutipan carnival untuk tabung pembinaan gelanggang tenis  
 iii. Faedah atas simpanan tetap ialah 8% setahun.  
 iv. Yuran yang masih belum diterima pada tahun lepas dianggap sebagai yuran lapuk.

#### **Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Yuran ahli [3 markah]
- (b) Akaun perdangangan kafe bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 [3 markah]
- (c) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 [9 markah]
- (d) Penyata mengira Dana terkumpul pada 1 Januari 2018 [2 markah]
- (e) Penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2018 (tunjukkan komponen dana terkumpul sahaja) [3 markah]

- 6 (a) Kilang Tenuusu Berkat Berhad bercadang mengeluarkan susu kurma dengan harga jualan RM7.00 sekotak.

Anggaran kos untuk pengeluaran susu kurma adalah seperti berikut :

Butir	RM
Susu segar dan kurma (10 000 unit)	30 000
Sewa kilang setahun	3 000
Insurans kilang	1 000

**Anda dikehendaki :**

(a) Menghitung :

- (i) Kos Tetap [1 markah]
- (ii) Kos Berubahseunit [1 markah]
- (iii) Margin Carumanseunit [2markah]
- (iv) TitikPulang Modal [2markah]

(b) Berdasarkan jawapan di atas, anda dikehendaki melukis graf titik pulang modal menggunakan skala berikut:

PaksiX : 2 cm = 250 unit

PaksiY: 2 cm = RM1 500

dan menunjukkan :

- (i) Garisan kostetap, garisan jumlah hasil, garisan jumlah kos [4 markah]
- (ii) Titik pulang modal [1 markah]
- (iii) Kawasan untung / rugi (lorekkan) [1 markah]
- (iv) Jika keluaran 1 500 unit, berapakah keuntungan atau kerugian yang diperolehi? Tunjukkan di graf. [2 markah]

- (b) Pada 18 Januari 2018, Putra Berhad telah menerbitkan 5000 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 2000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer kepada orang awam. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada tarikh yang sama. Tempoh perakaunan adalah 31 Disember setiap tahun.

Pada 30 Jun 2019, lembaga pengarah syarikat telah memutuskan untuk membayar dividen interim 6% untuk syer keutamaan dan 3% untuk syer biasa.

Pada 31 Disember 2018, lembaga telah memutuskan pembayaran dividen akhir kepada 6% Syer Keutamaan dan 5% kepada pemegang Syer Biasa.

**Anda dikehendaki menghitung :**

- i. Modal diterbitkan [2 markah]
- ii. Dividen interim [2 markah]
- iii. Dividen akhir [2 markah]